

DEPROPIN TABLET

Dothiepin hydrochloride (25mg, 75mg)

Apakah yang ada pada risalah ini?	Sebelum menggunakan DEPROPIN	Jangan menggunakan ubat ini selepas tarikh luput pada pek ini atau jika terdapat tanda salahguna pada pembungkusan. Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.
1. Apakah kegunaan DEPROPIN	- <u>Bila tidak boleh menggunakan</u>	Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula menggunakan ubat ini, sila tanya doktor anda.
2. Bagaimana DEPROPIN berfungsi	Jangan gunakan DEPROPIN jika anda mempunyai masalah hati .	
3. Sebelum menggunakan DEPROPIN	Jangan gunakan DEPROPIN jika anda mempunyai sawan .	
4. Cara menggunakan DEPROPIN	DEPROPIN tidak digalakkkan untuk digunakan pada kanak-kanak di bawah 16 tahun .	
5. Semasa menggunakan DEPROPIN	Jangan menggunakan ubat ini jika anda alah terhadap	Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat lain, makanan atau pengawet.
6. Kesan-sesan sampingan	<ul style="list-style-type: none">• Dothiepin hydrochloride	
7. Cara penyimpanan dan pelupusan DEPROPIN	<ul style="list-style-type: none">• Sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan di akhir risalah ini	Beritahu doktor anda jika anda hamil, bercadang untuk hamil atau menyusukan bayi. Doktor anda akan berbincang dengan anda mengenai risiko dan manfaat mengambil ubat ini.
8. Maklumat lanjut	<ul style="list-style-type: none">• Sebarang ubat <i>tricyclic antidepressant</i> yang lain seperti :	
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk	<ul style="list-style-type: none">▪ amitriptyline▪ clomipramine▪ desipramine▪ doxepin▪ imipramine▪ nortriptyline▪ protriptyline▪ trimipramine	
10. Tarikh kemaskini RIMUP	Jangan mengambil DEPROPIN jika anda mengambil ubat lain untuk kemurungan, iaitu <i>monoamine oxidase inhibitor</i> (MAOI) seperti isocarboxazid, nialamide, phenelzine, hydralazine. Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti sama ada anda pernah mengambil MAOI.	Beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mengalami sebarang masalah kesihatan seperti yang berikut:
		<ul style="list-style-type: none">• masalah jantung, terutamanya denyutan jantung• masalah tiroid• glaukoma (tekanan tinggi dalam mata)• fungsi hati terjejas• fungsi buah pinggang terjejas atau kesukaran membuang air kecil.• penyakit mental lain seperti skizofrenia (gangguan otak yang teruk di mana orang mentafsir realiti luar biasa) atau kemurungan manik (seli tempoh aktiviti keterlaluan dan perasaan tertekan)• sawan
Apakah kegunaan DEPROPIN		
DEPROPIN digunakan untuk merawat kemurungan.		
Doktor anda mungkin mempreskripsikan DEPROPIN untuk tujuan lain. Tanya doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang soalan tentang sebab DEPROPIN dipreskripsikan kepada anda.		
Bagaimana DEPROPIN berfungsi		
DEPROPIN mengandungi dothiepin hydrochloride. Ia tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai <i>tricyclic antidepressant</i> (TCA). DEPROPIN membentulkan ketidakseimbangan bahan kimia dalam otak dan mungkin melegakan simptom kemurungan.	Jangan mengambil DEPROPIN jika anda mengambil ubat lain untuk kemurungan, iaitu <i>monoamine oxidase inhibitor</i> (MAOI) seperti isocarboxazid, nialamide, phenelzine, hydralazine. Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti sama ada anda pernah mengambil MAOI.	
		Jangan mengambil DEPROPIN jika anda baru pulih daripada serangan jantung baru-baru ini. Ia mungkin akan menyebabkan keadaan anda bertambah teruk.

Beritahu doktor anda jika anda bercadang untuk menjalani pembedahan atau jika anda sedang menjalani terapi electroshock (ECT, yang digunakan dalam kemurungan yang teruk).

Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang mana-mana perkara di atas, beritahunya sebelum anda mula mengambil DEPROPIN.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuklah sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan DEPROPIN boleh bertindak balas satu sama lain. Ini termasuklah

- ubat-ubatan untuk mengawal tekanan darah tinggi (seperti amlodipine dan diltiazem)
- ubat-ubatan untuk alahan atau selsema (seperti chlorpheniramine dan diphenhydramine)
- monoamine oxidase inhibitor (lihat *Bila tidak boleh menggunakan*)
- ubat lain yang digunakan untuk kemurungan (seperti fluoxetine dan venlafaxine)
- ubat yang digunakan untuk mengawal sawan seperti (phenytoin dan carbamazepine)
- ubat untuk ubat pelali atau keresahan (seperti alprazolam dan diazepam).
- ubat antikolinergik (seperti hyoscine dan atropine) yang digunakan untuk melegakan kekejangan perut

Ubat-ubatan tersebut mungkin dipengaruhi oleh DEPROPIN atau mungkin menjelaskan fungsinya. Anda mungkin

perlu mengambil ubat anda dalam jumlah yang berlainan atau anda mungkin perlu mengambil jenis ubat yang berlainan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda mengambil sebarang ubat ini, periksa dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat lain yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa anda mengambil DEPROPIN.

Cara menggunakan DEPROPIN

Patuhilah semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada informasi yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- *Berapa banyak harus digunakan*

Doktor anda akan memberitahu kuantiti ubat yang anda perlu ambil setiap hari.

Adalah sangat penting untuk mengambil DEPROPIN seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Jangan ambil lebih daripada yang disarankan.

Dos biasa bermula pada 25mg tiga kali sehari untuk satu hingga dua minggu. Doktor anda mungkin akan meningkatkan dos anda, sehingga maksimum 200mg sehari.

Apabila simptom-simptom anda bertambah baik, doktor anda akan mengurangkan dos anda ke dos terendah yang

berkesan untuk memastikan simptom anda lega.

Orang tua selepas umur 65 tahun dan mereka yang mempunyai masalah hati atau buah pinggang mungkin memerlukan dos yang lebih rendah.

- *Bila perlu digunakan*

Mengambil setiap dos DEPROPIN pada masa yang sama setiap hari akan memberi kesan terbaik. Ia juga akan membantu anda mengingati masa mengambil ubat.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Ambil DEPROPIN secara berterusan seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Tempoh rawatan bergantung kepadaberapa cepat simptom anda pulih.

Kebanyakan ubat jenis ini mengambil masa untuk bertindak, oleh itu, jangan kecewa jika anda tidak rasa pulih dengan serta merta.

Walaupun anda rasa lebih baik, anda biasanya akan perlu mengambil DEPROPIN untuk beberapa bulan atau lebih lama, untuk memastikan manfaatnya kekal.

- *Jika terlupa menggunakan*

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jika tidak, ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa.

Jika anda sukar mengingati masa untuk mengambil ubat anda, minta petua daripada ahli farmasi anda.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil DEPROPIN, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan DEPROPIN

- Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda mengambil DEPROPIN untuk masa yang lama, doktor anda mungkin akan meminta anda untuk menjalani ujian mata dengan kerap.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang sedang merawat anda bahawa anda sedang mengambil DEPROPIN.

Jika anda hamil semasa anda mengambil DEPROPIN beritahu doktor anda dengan segera. Doktor anda akan berbincang dengan anda mengenai risiko dan manfaat mengambil ubat ini.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil DEPROPIN.

Keinginan untuk mencederakan diri sendiri atau bunuh diri mungkin akan berlaku semasa rawatan.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mempunyai apa-apa pemikiran membunuh diri atau lain-lain perubahan mental / perasaan.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat anda atau mengurangkan dos tanpa berbincang dengan dotor anda.

Doktor anda mungkin akan mengurangkan kuantiti DEPROPIN yang anda ambil secara perlahan-lahan sebelum berhenti sepenuhnya.

Jangan mengambil DEPROPIN untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

DEPROPIN boleh menyebabkan mengantuk pada sesetengah orang. Jadi berhati-hati ketika memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana DEPROPIN mempengaruhi anda.

Berhati-hati ketika minum alkohol semasa mengambil DEPROPIN. Menggabungkan DEPROPIN dan alkohol boleh membuat anda mengantuk atau pening.

Berhati-hati jika anda lebih tua daripada 65 tahun. Orang tua boleh menjadi keliru apabila mengambil DEPROPIN. Keluarga dan penjaga harus mempunyai kesedaran tersebut.

Kesan-sesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang kebimbangan mengenai kesan mengambil ubat ini.

Jangan khuatir dengan senarai ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan berikut yang membimbangkan anda:

- Rasa loya, muntah-muntah
- Sakit perut
- Sembelit
- Mulut kering
- Rasa mengantuk, lemah
- Penglihatan kabur

Jika mana-mana daripada yang berikut berlaku, berhenti mengambil DEPROPIN dan beritahu doktor anda dengan segera atau pergi ke unit kecemasan hospital yang terdekat anda :

- Degupan jantung cepat atau tidak teratur
- Kuning pada kulit atau mata (jaundis)
- Lebam atau pendarahan yang luar biasa
- Pening yang teruk, pengsan atau tidak sedarkan diri
- Sawan

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan DEPROPIN

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam peknya sehingga tiba masa untuk mengambilnya.

Jika anda mengeluarkan ubat daripada peknya, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat suhu bawah 25°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan DEPROPIN atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Jangan tinggalkan ubat di atas unjuran tapak tingkap atau dalam kereta.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

- Pelupusan

Jika doktor atau ahli farmasi anda mengarahkan anda berhenti mengambil DEPROPIN atau ubat ini sudah melepassi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

DEPROPIN TABLET
25MG

Pil berdiameter 7mm, berbentuk bulat, berwarna hijau epal dengan tanda 'DUOMA/DUOMA' dan 'DUO 861'.

DEPROPIN TABLET
75MG

Pil berdiameter 7mm, berbentuk bulat, berwarna biru dengan tanda 'DUOMA/DUOMA' dan 'DUO 861'.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

DEPROPIN TABLET
25MG

Setiap pil mengandungi 25mg dothiepin hydrochloride

DEPROPIN TABLET
75MG

Setiap pil mengandungi 75mg dothiepin hydrochloride

Bahan tidak aktif:

DEPROPIN TABLET
25MG

- Promigel
- Pewarna biru
- Laktosa
- Aerosil
- Pewarna kuning
- Tepung jagung
- Polyvinylpyrrollidone
- Magnesium stearate

DEPROPIN TABLET
75MG

- Promigel
- Pewarna biru
- Laktosa
- Aerosil
- Tepung jagung
- Polyvinylpyrrollidone
- Magnesium stearate

- Nombor MAL

DEPROPIN TABLET
25MG
MAL20012730A

DEPROPIN TABLET
75MG
MAL20012729A

Pengilang

DUOPHARMA (M) SDN.
BHD. (42491-M)
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,
41200 Klang, Selangor Darul
Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

DUOPHARMA (M) SDN.
BHD. (42491-M)
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,
41200 Klang, Selangor Darul
Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP

23/04/2015

Nombor Siri

BPFK(R4/1)210415/00072